



UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 182

**AKTA PANGGUNG DAN TEMPAT HIBURAN
AWAM (WILAYAH PERSEKUTUAN) 1977**

Tarikh Persetujuan Diraja 3hb Mac 1977

Tarikh diterbitkan dalam *Warta* 10hb Mac 1977

UNDANG-UNDANG MALAYSIA**Akta 182****AKTA PANGGUNG DAN TEMPAT HIBURAN
AWAM (WILAYAH PERSEKUTUAN) 1977**

SUSUNAN SEKSYEN-SEKSYEN

Seksyen

1. Tajuk ringkas dan pemakaian.
2. Tafsiran.
3. Perlantikan pegawai pelesen.
4. Kuasa Menteri untuk mengeluarkan arahan.
5. Dilarang membuka atau terus membuka panggung atau tempat hiburan awam tanpa lesen.
6. Permohonan lesen untuk membuka panggung atau tempat hiburan awam.
7. Kuasa untuk menghendaki maklumat.
8. Pembatalan lesen.
9. Jaminan.
10. Rayuan.
11. Dilarang menjual dsb. tiket untuk panggung atau tempat hiburan awam dan mengiklan atau menyeranta sebelum mendapat lesen.
12. Kuasa-kuasa masuk dan menyiasat.
13. Halangan.
14. Penggelidahan.
15. Kuasa mensita.
16. Kuasa-kuasa menutup.
17. Sekatan ke atas penjualan tiket tanpa kebenaran.
18. Tanggungan pengarah dsb.
19. Kaedah-kaedah.
20. Pemansuhan.

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 182

AKTA PANGGUNG DAN TEMPAT HIBURAN
AWAM (WILAYAH PERSEKUTUAN) 1977

Suatu Akta bagi membuat peruntukan-peruntukan untuk mengawal panggung-panggung dan tempat-tempat hiburan awam dengan lebih baik.

[11hb Mac 1977]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Panggung dan Tempat Hiburan Awam (Wilayah Persekutuan) 1977 dan hendaklah dipakai bagi Wilayah Persekutuan. Tajuk ringkas dan pemakaian.

2. Dalam Akta ini, melainkan jika kandungan ayatnya menghendaki makna yang lain— Tafsiran.

“hiburan awam” ertinya apa-apa permainan atau apa-apa jua jenis hiburan yang diadakan untuk orang awam dalam mana orang ramai boleh mengambil bahagian;

“lakunan panggung” ertinya apa-apa permainan atau apa-apa jua jenis hiburan yang diadakan untuk awam dalam mana orang ramai mungkin tidak mengambil bahagian dan termasuklah pertunjukan wayang gambar;

“Menteri” ertinya Menteri yang bertanggungjawab bagi Wilayah Persekutuan;

“panggung” ertinya mana-mana tempat yang di atasnya ada apa-apa binaan atau struktur, apa-apa premis atau bangunan samada sementara atau kekal atau apa-apa kraf di atas air atau mana-mana tempat lain di mana sesuatu lakunan panggung dilakukan atau dipersembahkan dan ke mana orang ramai adalah dibenarkan masuk dengan atau tanpa bayaran;

“pegawai pelesen” ertinya pegawai yang dilantik di bawah seksyen 3;

“pertunjukan wayang gambar” ertinya apa-apa pertunjukan gambar-gambar atau lain-lain kesan optik yang dipersembahkan dengan menggunakan alat wayang gambar atau lain-lain alat yang seumpamanya dan termasuklah pengeluaran apa-apa muzik, ucapan atau apa-apa jua bunyian lain yang menyertai tayangan itu dengan menggunakan alat wayang gambar atau lain-lain alat yang seumpamanya;

“Pesuruhjaya” ertinya Pesuruhjaya yang dilantik di bawah seksyen 3 Akta Ibukota Persekutuan 1960;

“tempat hiburan awam” ertinya mana-mana tempat yang di atasnya ada apa-apa binaan atau struktur, apa-apa premis atau bangunan samada sementara atau kekal atau apa-apa kraf di atas air atau mana-mana tempat lain dalam atau di mana sesuatu hiburan awam berlaku dan ke mana orang ramai dibenarkan masuk dengan atau tanpa bayaran, dan termasuklah sesuatu taman hiburan.

3. (1) Menteri boleh melantik seseorang atas nama atau atas jawatan untuk menjadi pegawai pelesen bagi maksud-maksud Akta ini.

(2) Pegawai pelesen hendaklah disifatkan sebagai penjawat awam dalam erti Kanun Keseksaan. ✓

4. Menteri boleh dari semasa ke semasa memberi kepada pegawai pelesen arahan-arahan yang berupa am, dan yang tidak berlawanan dengan peruntukan-peruntukan Akta ini, tentang penjalanan kuasa-kuasa dan budibicara-budibicara yang diberi kepada pegawai pelesen oleh Akta ini atau oleh kaedah-kaedah yang dibuat di bawahnya dan pegawai pelesen itu hendaklah melaksanakan semua arahan itu. ✓

5. (1) Adalah menyalahi undang-undang bagi seseorang membuka atau terus membuka sesuatu panggung atau tempat hiburan awam tanpa lesen yang diberi di bawah Akta ini.

(2) Seseorang yang melanggar seksyen ini adalah bersalah atas suatu kesalahan dan boleh apabila disabitkan dikenakan denda tidak lebih daripada tiga ribu ringgit atau penjara tidak lebih daripada dua tahun atau kedua-duanya.

6. (1) Sesuatu permohonan lesen bagi membuka sesuatu panggung atau tempat hiburan awam di bawah Akta ini hendaklah dibuat dalam borang yang ditetapkan dan hendaklah dikemukakan kepada pegawai pelesen.

35/60.

Perlantikan
pegawai
pelesen.

V.M.B.
Bab 45.

Kuasa
Menteri
untuk
mengeluarkan
arahan.

Dilarang
membuka
atau terus
membuka
panggung
atau tempat
hiburan
awam
tanpa
lesen.

Permohonan
lesen untuk
membuka
panggung
atau tempat
hiburan
awam.

(2) Tertakluk kepada seksyen-kecil (3) pegawai pelesen boleh, apabila dibayar bayaran yang ditetapkan, memberi kepada pemohon itu suatu lesen dengan apa-apa syarat sebagaimana yang dinyatakan dalam lesen itu.

(3) Tiada sesuatu lesen boleh diberi di bawah Akta ini mengenai sesuatu panggung atau tempat hiburan awam melainkan jika kebenaran secara bertulis atau, dalam sesuatu kes dalam mana lesen adalah perlu, suatu lesen telah didapati daripada Pesuruhjaya di bawah undang-undang berkaitan dengan pihakberkuasa tempatan mengenai panggung atau tempat hiburan awam itu.

(4) Pegawai pelesen boleh menolak sesuatu permohonan jika ia berpuas hati—

(a) bahawa panggung atau tempat hiburan awam itu mungkin membawa kepada pecah keamanan atau menyebabkan halangan, kegusaran atau bencana kepada penduduk-penduduk dalam kawasan tempat itu;

(b) bahawa sesuatu lakunan di dalam panggung atau tempat hiburan awam itu mungkin dari jenis berbahaya, taksopan, lucu atau takwajar atau mungkin membahayakan nyawa manusia; atau

(c) bahawa lakunan panggung atau hiburan awam itu adalah atau mungkin dengan apa-apa cara memudaratkan kepentingan negara.

7. (1) Bagi maksud menimbangkan permohonan lesen di bawah seksyen 6, pegawai pelesen boleh menghendaki pemohon memberi kepadanya sekerip dan apa-apa maklumat yang ditentukannya berkaitan dengan perkara-perkara berikut:

(a) butir-butir mengenai orang-orang yang berkenaan dengan penganjuran lakunan panggung atau hiburan awam itu dan kepentingan-kepentingan yang diwakili oleh orang-orang itu;

(b) butir-butir mengenai orang-orang yang telah ber-setuju untuk menyertai atau telah menyertai lakunan panggung atau hiburan awam itu atau telah dijemput untuk berbuat demikian dan kepentingan-kepentingan yang diwakili oleh orang-orang itu; dan

Kuasa untuk menghendaki maklumat.

- (c) maksud-maksud yang baginya apa-apa keuntungan daripada hiburan atau lakunan panggung itu dicadangkan hendak digunakan atau telah digunakan.

(2) Bagi maksud seksyen ini, perbahaasan “sekerip”, berhubung dengan sesuatu lakunan cerita-lakun, ertinya teks cerita-lakun itu (samada dinyatakan dengan perkataan atau dengan simbol muzik atau lain-lain simbol) bersama dengan apa-apa arahan pentas atau lain-lain arahan untuk pelakunannya, samada yang terkandung dalam satu dokumen atau tidak.

8. (1) Pegawai pelesen boleh pada bila-bila masa membatalkan sesuatu lesen yang dikeluarkan olehnya—

- (a) jika telah berlaku apa-apa pelanggaran syarat-syarat atau apa-apa perbuatan yang bersalahan dengan mana-mana undang-undang bertulis berkaitan dengan pengawalan bangunan-bangunan;
- (b) jika telah berlaku apa-apa pecah keamanan, halangan, kegusaran atau bencana kepada penduduk-penduduk dalam kawasan tempat panggung atau tempat hiburan awam yang mengenainya lesen itu telah dikeluarkan;
- (c) jika pada pendapatnya sesuatu lakunan di dalamnya adalah dari jenis berbahaya, taksopan, lucah atau takwajar, atau mungkin membahayakan nyawa manusia;
- (d) jika ia berpuas hati bahawa lakunan panggung atau hiburan awam itu adalah atau mungkin dengan apa-apa cara memudaratkan kepentingan negara.

(2) Apabila dibatalkan lesen sesuatu tempat hiburan awam yang mana adalah suatu taman hiburan, lesen-lesen panggung-panggung dan semua tempat hiburan di dalamnya hendaklah disifatkan sebagai terbatal.

9. Pegawai pelesen boleh menghendaki seseorang yang diberi suatu lesen memberi jaminan dalam bentuk yang ditentukannya bahawa peruntukan-peruntukan Akta ini dan peruntukan-peruntukan mana-mana kaedah yang dibuat di bawahnya dan peruntukan-peruntukan syarat lesen itu akan dipatuhi dengan sewajarnya.

10. Seseorang yang permohonannya adalah ditolak di bawah seksyen 6 atau yang lesennya adalah dibatalkan di bawah seksyen 8 boleh, dalam masa satu bulan selepas diberitahu secara bertulis mengenai penolakan atau pembatalan itu, merayu terhadap penolakan atau pembatalan itu kepada Menteri dan keputusan Menteri mengenainya adalah muktamad. Rayuan.

11. (1) Adalah menyalahi undang-undang bagi seseorang— Dilarang menjual dsb. teket untuk panggung atau tempat hiburan awam dan mengiklan atau menyeranta sebelum mendapat lesen.

(a) memberi, membahagi-bahagikan, menjual atau menawarkan untuk dijual apa-apa teket untuk masuk ke sesuatu panggung atau tempat hiburan awam, atau menjemput mana-mana orang ke sesuatu lakunan dalam sesuatu panggung atau tempat hiburan awam, atau menyebabkan dibuat pemberian, pembahagi-bahagian, jualan, tawaran atau jemputan tersebut; atau

(b) dengan apa-apa cara jua pun mengiklan atau menyerantakan atau menyebab diiklan atau diseranta apa-apa lakunan panggung atau hiburan awam yang hendak dilakukan di dalam panggung atau tempat hiburan awam,

melainkan lesen telah diberi di bawah seksyen 6 mengenai panggung atau tempat hiburan awam itu.

(2) Seseorang yang melanggar seksyen ini adalah bersalah atas suatu kesalahan dan boleh apabila disabitkan dikenakan denda tidak lebih daripada dua ribu ringgit atau penjara tidak lebih daripada satu tahun atau kedua-duanya.

12. Pegawai pelesen, mana-mana pegawai polis yang ber-pangkat tidak rendah daripada Inspektor, atau seseorang yang diberikuasa oleh pegawai pelesen itu secara bertulis boleh tanpa waran memasuki mana-mana premis di mana sesuatu lakunan panggung atau hiburan awam sedang diadakan atau dicadang hendak diadakan dengan tujuan untuk menentukan samada peruntukan-peruntukan Akta ini atau mana-mana kaedah yang dibuat di bawahnya atau syarat-syarat sesuatu lesen yang diberi di bawah Akta ini dipatuhi, dan boleh membuat apa-apa penyiasatan dan pemeriksaan mengenai premis itu dan meminta mana-mana orang supaya mengemukakan apa-apa barang, buku, akaun, teket atau Kuasa-kuasa masuk dan menyiasat.

lain-lain dokumen atau benda dan memberi apa-apa maklumat yang difikirkan perlu oleh pegawai atau orang itu bagi maksud itu:

Dengan syarat bahawa mana-mana orang yang tidak memakai unifom yang berupa sebagai menjalankan apa-apa kuasa di bawah seksyen ini hendaklah apabila diminta mengemukakan surat kuasanya untuk menjalankan kuasa-kuasa ini kepada seseorang yang memintanya secara sah.

13. Seseorang yang—

- (a) menghalang seseorang pegawai atau seseorang berkuasa yang menjalankan secara sah apa-apa kuasa yang diberi kepadanya oleh atau di bawah seksyen 12 bagi memasuki atau memeriksa mana-mana premis atau berlengah-lengah mengemukakan apa-apa barang, buku, akaun atau lain-lain dokumen atau benda yang ia telah diminta mengemukakan oleh pegawai atau orang berkuasa itu dan yang ia berkuasa atau sepatutnya berkuasa dalam perjalanannya urusan biasa mengemukakannya;
- (b) enggan memberi apa-apa maklumat yang ia mungkin dikehendaki memberinya oleh pegawai atau orang berkuasa itu atau yang, apabila dikehendaki memberi maklumat oleh pegawai atau orang berkuasa itu, memberi maklumat palsu atau yang mengelirukan; atau
- (c) menghalang penyitaan apa-apa dokumen atau lain-lain benda di bawah seksyen 15, atau penutupan mana-mana panggung atau tempat hiburan awam di bawah seksyen 16,

adalah bersalah atas suatu kesalahan dan boleh apabila disabitkan dikenakan denda tidak lebih daripada satu ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak lebih daripada satu tahun atau kedua-duanya.

14. (1) Mana-mana pegawai atau seseorang yang diberi kuasa untuk menjalankan kuasa-kuasa masuk atau menyiasat di bawah seksyen 12 boleh tanpa waran dan dengan atau tanpa bantuan memasuki mana-mana premis jika difikirkannya perlu dan ia ada sebab bagi mempercayai bahawa suatu kesalahan di bawah Akta ini atau di bawah mana-mana kaedah yang dibuat di bawahnya telah dilakukan dan boleh menggelidih mana-mana tempat dan memeriksa mana-mana orang yang menasabah dipercayainya

sebagai ada kena mengenai dalam pengurusan atau peng-anjuran sesuatu lakunan panggung atau hiburan awam atau sebagai seorang penjawat atau ejen kepada penganjuranya atau kepada tuanpunya premis-premis ini.

(2) Tiada seseorang perempuan boleh diperiksa di bawah seksyen ini kecuali oleh seorang perempuan.

15. Mana-mana pegawai atau seseorang yang diberikuasa untuk menjalankan kuasa-kuasa masuk atau menyiasat di bawah seksyen 12 boleh mensita apa-apa dokumen atau lain-lain benda yang menasabah dipercayainya sebagai atau mengandungi keterangan berkaitan dengan suatu kesalahan di bawah Akta ini:

Kuasa mensita.

Dengan syarat bahawa tiada apa-apa jua dalam seksyen ini boleh disifatkan sebagai menyentuh kuasa-kuasa seorang pegawai polis di bawah Kanun Acara Jenayah.

P.T.M.
Bab 6.

16. Mana-mana pegawai atau seseorang yang diberikuasa untuk menjalankan kuasa-kuasa masuk atau menyiasat di bawah seksyen 12 boleh, tanpa menyentuh perjalanan kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh seksyen itu, dengan serta-merta mengambil apa-apa langkah yang difikirkannya perlu untuk menutup mana-mana panggung atau tempat hiburan awam yang ia berpuashati adalah terus dibuka ber-salahan dengan Akta ini atau di bawah kaedah-kaedah yang dibuat di bawahnya atau dengan mana-mana daripada syarat-syarat lesen yang diberi di bawah Akta ini.

Kuasa-kuasa menutup.

17. (1) Tiada seseorang boleh menjual atau menawarkan atau mempamirkan atau ada dalam miliknya untuk dijual atau memujukrayu supaya membeli, apa-apa tiket yang membenarkan atau berupa sebagai membenarkan masuk ke mana-mana panggung atau tempat hiburan awam yang dilesen di bawah Akta ini, di mana-mana jalan lalu awam, atau di ruang masuk atau jalan masuk ke mana-mana tempat itu, kecuali di pejabat jual tiket, warong, pintu-putar masuk atau kaunter yang ditetapkan oleh tuanpunya atau pengurus tempat itu atau oleh pengelola lakunan panggung atau hiburan awam yang diadakan di dalamnya.

Sekatan ke atas penjualan tiket tanpa kebenaran.

(2) Seseorang yang melanggar seksyen ini adalah bersalah atas suatu kesalahan dan boleh apabila disabitkan dikenakan denda satu ribu ringgit atau penjara tidak lebih daripada satu tahun atau kedua-duanya.

18. (1) Jika sesuatu kesalahan di bawah Akta ini telah dilakukan oleh suatu kumpulan orang yang diperbadankan atau tak diperbadankan, seseorang yang pada masa kesetiausaha atau pegawai lain yang seumpamanya bagi kumpulan orang itu atau yang berupa sebagai bertindak dalam mana-mana jawatan itu, hendaklah disifatkan sebagai bersalah atas kesalahan itu melainkan jika ia membuktikan bahawa kesalahan itu telah dilakukan tanpa persetujuannya atau tanpa dibiarkan olehnya, dan bahawa ia telah menjalankan usaha untuk mencegah berlakunya kesalahan itu sebagaimana sepatutnya telah dijalankan olehnya memandangkan kepada keadaan tugas-tugasnya dalam jawatan itu dan kepada semua hal keadaan.

(2) Seseorang yang tetap bersalah atas suatu kesalahan jika apa-apa perkara telah dilakukan atau ditinggalkan olehnya sendiri adalah bersalah atas kesalahan itu dan boleh dikenakan penalti yang sama jika perkara itu telah dilakukan atau ditinggalkan oleh pekongsi, ejen atau penjawatnya semasa menjalankan urusan perkongsian atau semasa menjalankan pekerjaannya, mengikut mana yang berkenaan, melainkan jika ia membuktikan bahawa kesalahan itu telah dilakukan tanpa pengetahuan atau persetujuannya dan bahawa ia telah mengambil segala langkah berjaga-jaga yang menasabah untuk mencegah perkara itu daripada dilakukan atau ditinggalkan :

Dengan syarat bahawa tiada apa jua dalam seksyen ini boleh melepaskan pekongsi, ejen atau penjawat itu daripada tanggungan terhadap pendakwa.

19. Menteri boleh membuat kaedah-kaedah secara am untuk pelaksanaan peruntukan-peruntukan Akta ini dan kaedah-kaedah itu boleh—

- (a) menetapkan apa-apa bayaran yang perlu bagi maksud-maksud Akta ini;
- (b) menetapkan bentuk lesen yang hendak dikeluarkan di bawah seksyen 6; /
- (c) mengadakan peruntukan bagi pengecualian jenis atau klas lakunan panggung atau hiburan awam daripada mana-mana peruntukan Akta ini;
- (d) mengadakan peruntukan secara am bagi maksud-maksud menguatkuasakan peruntukan-peruntukan Akta ini.

20. Enakmen Panggung dan Tempat Hiburan Awam 1936 (iaitu suatu undang-undang yang berkuatkuasa di dalam Wilayah Persekutuan menurut seksyen 6 Akta Perlembagaan (Pindaan) (No. 2) 1973 adalah dimansuhkan. ^{Peman-}
^{suhan.}
^{P.T.M. En.}
^{47/36.}